

BAB V

PENUTUP

Hasil penyelidikan dan penelitian yang dibuat mengenai sejarah hidup Dato' Syeikh Abdul Halim bin Haji Othman dan sumbangannya terhadap perkembangan Islam di negeri Kedah, dapatlah penulis membuat beberapa kesimpulan umum dan khusus serta melontarkan beberapa cadangan kepada yang pihak yang berkenaan.

1. KESIMPULAN

1.1 Kesimpulan Umum

- i. Telah lahir ramai tokoh yang telah banyak memberikan sumbangan dalam berbagai bidang terutamanya dalam bidang agama, politik, pendidikan dan persuratan di Kedah. Antaranya ialah seperti Haji Ishak Bin Mohamad Hasyim, Tok Syeikh Jarum Derga, Tuan Mat Salleh Kelonghoi, Haji Hussain Bin Hassan, Haji Omar Merbok, Tuan Hussain Kedah, Haji Yaakob Bin Haji Ahmad, Haji Ahmad Tampong, Haji Mohamad Salleh Bin Mohamad Hasyim, Haji Mohamad Salleh Bin Haji Idris, Haji Mohamad Arif Bin Haji Ishak, Haji Wan Sulaiman Bin Haji Wan Sidek, Haji Mohd Said Yan, Haji Sulong Bin Haji Chik, Haji Ismail Bin Che Abu, Haji Salleh Masri, Haji Abdul Ghani Bin Haji Awang, Haji Wan Ibrahim Bin Wan Abdul Kadir, Syeikh Ismail Bin Haji Mohd Salleh, Dato' Syeikh Abdul Halim bin Haji Othman dan ramai lagi yang merupakan tokoh yang tidak asing lagi kemasyhuran mereka di kalangan rakyat negeri Kedah dan Malaysia.

- ii. Pada permulaan tahun 531H/1136M lagi Kedah telah terlibat dalam perkembangan dakwah dan ilmu pengetahuan Islam yang melibatkan penuntut dari dalam dan juga luar negeri untuk mempelajari ilmu- ilmu Islam di institusi- institusi pengajiannya yang terkenal.
- iii. Hasil daripada perjuangan ulama terdahulu, mereka telah membentuk sebuah masyarakat, negeri dan kesultannya yang kukuh dan kuat berpegang kepada ajaran agama Islam sehingga kini.
- iv. Kedah juga adalah sebuah negeri yang ada tarikannya di Semenanjung Malaysia jika dibandingkan dengan negeri- negeri Melayu yang lain. Di kalangan anak negeri Kedah telah lahir ramai tokoh terkenal dalam bidang politik, kesusasteraan, seni dan yang paling utama ialah bidang agama kerana ramai tokoh- tokoh agama negara adalah terdiri daripada anak negeri Kedah yang telah menjadi kepimpinan dalam negara.
- v. Walaupun sukar untuk mendapatkan tarikh yang konkrit dan pasti tentang kemasukan Islam di Kedah, namun dengan berpandukan kepada beberapa catatan penemuan sejarah yang terkini dan beberapa catatan dalam buku- buku sejarah yang berkaitan dengannya, maka dapatlah dibuat suatu rumusan bahawa Islam telah bertapak di Kedah lebih awal daripada negeri- negeri Melayu di Semenanjung sekitar abad ke-8 atau ke-9M.

- vi. Dengan gelaran “Kedah Darul Aman” yang menjadi tanda aras kepada agama Islam yang amat kuat dihayati oleh rakyat Kedah dan pemerintahannya, penghayatan Islam di kalangan masyarakatnya bermula dari istana hinggalah rakyat jelata. Institusi kesultanan Kedah sendiri ditadbir oleh sultan- sultan yang sangat arif dalam bidang agama misalnya Sultan Ahmad Tajuddin, Sultan Muhamad Jiwa dan Sultan Abdul Hamid.

- vii. Sultan-sultan negeri Kedah amat kuat pegangan agamanya kerana sentiasa berdamping dengan alim ulama, dan baginda Sultan sendiri juga adalah di kalangan ulama serta mempunyai sifat wara’.

- viii. Para ulama telah memberikan sumbangan mereka yang cemerlang dan mereka telah memainkan peranannya yang besar dalam perkembangan Islam di Kedah. Ulama bersama-sama dengan umara’ sentiasa berganding bahu mengangkat syiar Islam, semenjak permulaan perkembangan agama Islam lagi, dan sampailah masa sekarang ini, jawatan mufti merupakan jawatan hierarki yang tertinggi sekali dalam pentadbiran negeri dan bertanggungjawab menasihati sultan dalam perkara- perkara yang berkaitan dengan agama Islam dan kepentingan pengamalannya.

- ix. Sebelum kemerdekaan Malaysia ataupun Tanah Melayu ataupun Malaya, institusi pondok sangat cemerlang, namun selepas kemerdekaan sehingga kini institusi pondok ini sudah hampir luntur peranannya ditambah lagi dengan kematian para ulama yang menjadi sendi kekuatan institusi tersebut di Kedah.

- x. Kedah tidak ketinggalan dari ombak dan samudra perkembangan persuratan dan kesusasteraan Melayu Islam. Sebelum kemerdekaan lagi para ulama dan cerdik pandai Melayu Kedah telah menghasilkan pelbagai buku, majalah dan akhbar untuk membina pemikiran orang Melayu. Majalah Ilham merupakan salah satu majalah yang masih aktif di Kedah walaupun penerbitannya hanya di peringkat Maktab Mahmud sahaja.

1.2 Kesimpulan Khusus

- i. Seharum namanya Dato' Syeikh Abdul Halim bin Othman adalah juga semekar sebaris dalam angkatan ulama era pasca kemerdekaan yang dilahirkan dari institusi pendidikan agama pondok dan tradisional di bawah bimbingan tokoh- tokoh ulama seperti Tuan Guru Haji Wan Sulaiman bin Wan Sidik dan yang lainnya. Sejarah hidup beliau, beliau telah menghabiskan usia dan tenaga hanyalah untuk mengabdikan diri dengan ilmu pengetahuan dan menyebarkannya kepada masyarakat sama ada dalam bentuk pengajaran secara langsung di sekolah, penulisan makalah, penulisan majalah, penulisan buku- buku ataupun mengajar di tempat tertentu di sekitar negeri Kedah.
- ii. Beliau merupakan tokoh guru negeri Kedah dan juga tokoh pendidikan Islam Kedah yang banyak menabur jasa kepada masyarakat Islam tanah air. Beliau juga merupakan tokoh ulama moden yang banyak menyumbangkan idea pembangunan pendidikan Islam. Beliau sangat alim dalam ilmu agama lebih- lebih lagi dalam penguasaan bahasa Arab. Hasil daripada didikannya maka lahirlah angkatan ulama

muda dalam dekad 70-an, 80-an dan sehingga kini yang mana kesemua mereka ini adalah anak murid beliau yang sedang menabur jasa- jasa mereka kepada masyarakat, berkat didikan yang diterima daripada Dato' Syeikh Abdul Halim bin Haji Othman.

- iii. Ketinggian, ketokohan dan keilmuan beliau dalam ilmu- ilmu Islam dapat dilihat daripada penampilan serta penulisan yang ditinggalkan. Benih yang baik itu telah tumpah kepada anaknya yang merupakan bekas ketua Hakim Negara iaitu Tun Ahmad Fairuz Bin Dato' Syeikh Abdul Halim. Beliau merupakan seorang ulama moden yang berpandangan jauh.
- iv. Beliau merupakan anak kedua daripada tujuh orang adik beradik, mereka ialah Muhammad Murad, Dato' Syeikh Abdul Halim, Ghazali, Fatimah, Hajjah Zainab, Jamilah dan Hajjah Tom Saudah. Muhamad Murad telah meninggal dunia semasa kecil. Dato' Syeikh Abdul Halim tergolong daripada keluarga yang sederhana dan keluarga yang taat serta patuh kepada ajaran agama.
- v. Tokoh ini telah menimba ilmu pengetahuan dan pendidikan dari institusi pendidikan Islam di tanah air dan juga di Mesir. Beliau merupakan seorang tokoh ulama yang dilahirkan hasil didikan oleh tokoh- tokoh ulama hebat di Kedah dan juga di Mesir.
- vi. Sebagai seseorang ulama moden yang berpandangan jauh, Dato' Syeikh Abdul Halim banyak menghabiskan masanya dengan menyumbangkan segala buah

fikirannya untuk pembangunan dan perkembangan agama Islam di Kedah dengan membangunkan sekolah agama Maktab Mahmud hingga mencapai kejayaan di peringkat yang membanggakan, sehinggakan Maktab Mahmud kini sudah mempunyai lebih daripada 10 cawangannya di Kedah. Beliau juga telah aktif menulis dan telah menghasilkan beberapa buah karya, di samping menulis di dalam majalah- majalah dan juga menyampaikan ilmu agama kepada anak bangsa serta masyarakat Islam di Kedah.

- vii. Kronologi sumbangan Dato' Syeikh Abdul Halim dalam pendidikan Islam bermula daripada tarikh kepulangan beliau dari Timur Tengah, di mana beliau telah memulakan langkah, apabila diamanahkan oleh Tuanku Sultan Kedah supaya menjadi mudir Maktab Mahmud yang pertama. Selama hampir 30 tahun Dato' Syeikh Abdul Halim mencurahkan ilmu dan keringat bakti mengangkat Maktab Mahmud di puncak persada ilmu Kesenantero Malaysia. Maka bermulalah tugas-tugas beliau sebagai pengetua, sebagai guru, sebagai jurulatih utama sukan, sebagai penggerak utama persatuan-persatuan sekolah seperti pengakap, seni teater (lakonan ataupun pentomen), pidato, kelas bahasa Arab, berzanji, ceramah, syarahan dan sebagainya. Kemudiaanya pula beliau telah menaiktaraf dan menyelaraskan silibus pengajian semua sekolah- sekolah agama di seluruh negeri Kedah dengan kaedah, cara, buku teks, buku latihan, sistem peperiksaan dan ujian yang sama.
- viii. Semasa beliau berkhidmat sebagai mudir dan juga guru di Maktab Mahmud Dato' Syeikh Abdul Halim sempat menubuhkan PUK (Persatuan Ulama Kedah). Dato' Syeikh Abdul Halim juga telah menubuhkan al- Qismu al- Aliyy yang mana sistem

pengajiannya persis sama seperti apa yang dilaksanakan di KUIN (Kolej Universiti Insaniah) sekarang ini. Idea untuk menubuhkan sistem pengajian Islam peringkat tertinggi yang bekerjasama dengan Universiti al- Azhar sekarang ini adalah hasil daripada idea Dato' Syeikh Abdul Halim yang mana sudah dapat direalisasikan serta dipraktikkan sekarang ini yang sangat membuah hasil kejayaannya. Kemudiannya pula beliau dilantik menjadi pengerusi Majlis Fatwa negeri Kedah pada tahun 1967-1973, di mana jawatan tersebut adalah setaraf dengan jawatan mufti pada ketika ini. Selepas daripada itu Dato' Syeikh Abdul Halim dipanggil bertugas di Jabatan Perdana Menteri sebagai penasihat agama kepada Perdana Menteri. Di samping itu juga beliau pernah menubuhkan PERKIM, seterusnya beliau dilantik sebagai Pengarah Dakwah Perkim Malaysia.

- ix. Almarhum Dato' Syeikh Abdul Halim sudah semestinya boleh diangkat sebagai salah seorang tokoh Ulama negeri Kedah kerana jasa- jasa beliau yang telah membangunkan sektor pendidikan Islam bukan sahaja di Maktab Mahmud, bukan sahaja di Kedah bahkan jasa-jasa beliau telah meluas di Malaysia ini. Oleh kerana dengan sumbangan idea, pemikiran, ilmu pengetahuan, organisasi, pentadbiran dan keringat bakti beliaulah, Maktab Mahmud gah di persada masyarakat Malaysia dengan lahirnya tokoh- tokoh agama yang hebat seperti Tan Sri Khalid Abdullah, Dato' Jamil Khir Baharom, Dato' Dr Mashitah Ibrahim, Dato' Siti Norbahiyah Mahmud, Prof. Dato' Dr Ismail Ibrahim, Dato' Paduka Syeikh Abdul Majid, Tan Sri Syeikh Ghazali, YB almarhum Dato' Fadhil Noor, YAB Dato' Seri Azizan Abdul Razak (Menteri Besar Kedah sekarang ini) dan ramai lagi.

- x. Almarhum Dato' Syeikh Abdul Halim adalah tergolong di kalangan ulama yang telah menerima pendidikan institusi pondok tradisional. Namun begitu idea dan pemikiran beliau seiring dan setaraf dengan ulama yang telah menerima pendidikan moden. Beliau juga sempat menghasilkan 3 buah karya penulisan buku bersendikan agama semasa hayat beliau. Walaupun sibuk dengan tugas sebagai pengetua dan guru Maktab Mahmud, beliau sempat juga meluangkan masa mencurahkan bakti dengan mengembangkan ilmu kepada anak-anak murid beliau di Kolej Sultan Abdul Hamid dengan mengajar subjek agama dan fardhu Ain. Di antara anak murid beliau ialah Tun Dr Mahathir Mohamad (bekas Perdana Menteri Malaysia), Almarhum Dato' Haji Muhamad Ismail bin Saleh (Tokoh Sejarah Negeri Kedah) dan Dato' Haji Harun Bin Haji Mohd Hashim (Pengerusi Persatuan Pesara- Pesara Malaysia Kedah).
- xi. Apabila dilihat daripada latarbelakang pendidikan Almarhum Dato' Syeikh Abdul Halim yang hanya berpendidikan pondok, namun begitu gagasan pemikirannya telah mendahului zamannya dengan segala perancangan, strategi serta sumbangan idea telah menjadikan Maktab Mahmud sebagai pusat ilmu dan seterusnya Kedah muncul sebagai hub ilmu buat masa kini dengan wujudnya tiga buah universiti terhebat di rantau Asia ini dan satu daripada penubuhannya adalah hasil sumbangan pemikiran beliau iaitu KUIN (Kolej Universiti Insaniah).
- xii. Ketokohan Almarhum Dato' Syeikh Abdul Halim dalam ilmu pengetahuan tidak dapat disangkal lagi terutamanya beliau sangat mahir menggunakan bahasa Arab dan pertuturan bahasa Arabnya sangat hebat dan bermutu tinggi. Diserlahkan pula

dengan ketokohan beliau dalam ilmu- ilmu alat yang lain. Maka tanpa rasa sangsi lagi, wajarlah kita mengangkat Almarhum Dato' Syeikh Abdul Halim sebagai salah seorang tokoh ulama negeri Kedah, tokoh ulama yang telah mendapat pendidikan pondok dan juga tradisional namun beliau mempunyai pandangan jauh yang setanding dengan pemikiran ulama moden pada hari ini.

2. SARANAN

- i. Penulis menyarankan agar adanya usaha yang berterusan untuk membuat kajian biografi tokoh ulama ini, akan diteruskan lagi oleh para pengkaji sejarah supaya jasa dan pengorbanan mereka dapat diabadikan serta menjadi rujukan kepada generasi akan datang.
- ii. Pengalaman yang dilalui oleh penulis adalah sungguh bermakna dalam hidup penulis untuk menyiapkan penulisan biografi Almarhum Dato' Syeikh Abdul Halim. Wawasan, sumbangan idea, sumbangan pemikiran dan ilmu yang telah disumbangkan oleh beliau sama ada dalam bentuk karya, penulisan buku, pembentangan kertas kerja, aktiviti kemasyarakatan, aktiviti kokurikulum, penghasilan produktiviti insan, material dan sebagainya sedikit sebanyak telah diambil, dikutip dan dicorakkan bentuk penulisannya oleh penulis. Boleh dikatakan tidak ramai mereka yang mampu untuk menulis sebuah biografi tokoh- tokoh masyarakat dengan idea dan teknik yang menarik. Justeru itu satu saranan kepada Jabatan sejarah Dan Tamadun Islam menambahkan kredit kepada calon- calon

sarjana dan sarjana muda agar dapat memperbanyakkan tulisan mengenai biografi ulama tempatan kita.

- iii. Kepada kerajaan negeri Kedah disarankan agar memberikan suntikan kekuatan kepada sistem pendidikan Islam yang dipelopori oleh tokoh- tokoh ulama silam agar kesinambungan dan keutuhan masyarakat Islam dapat dipertahankan. Pada masa yang sama dapat ditingkatkan lagi keberkesanan institusi ini di dalam masyarakat Islam.
- iv. Golongan umara, ulama dan masyarakat hendaklah sentiasa berusaha memantapkan sistem pendidikan Islam dengan meningkatkan prasarana pusat- pusat pendidikan Islam yang wujud.
- v. Kestabilan politik dan juga keharmonian di kalangan masyarakat dan semua kaum hendaklah ditingkatkan bagi meningkatkan kualiti pendidikan Islam di kalangan umat Islam.
- vi. Pihak sekolah Maktab Mahmud sebagai sebuah institusi pendidikan yang bertanggungjawab ke atas penerbitan majalah *Ilham* seharusnya memperbaharui beberapa aspek dalam penerbitan majalah tersebut antaranya ialah isi kandungan, penampilan dan penggunaan tulisan jawi haruslah diseimbangkan dengan tulisan rumi bagi menarik golongan muda untuk membaca majalah tersebut. Walaubagaimanapun beberapa aspek lain dapat dipertahankan sebagai ciri utama

majalah *Ilham* iaitu sebagai sebuah majalah yang berteraskan dakwah tidak hanya sekadar beroreintasikan keuntungan semata-mata.

- vii. Kepada pihak pentadbiran MAIK dan juga Jabatan Mufti penulis ingin menyarankan agar setiap tulisan, ataupun segala fatwa-fatwa yang telah difatwakan oleh Almarhum Dato' Syeikh Abdul Halim dapat dikumpul dan dibukukan supaya bentuk pemikiran serta gaya kepimpinan beliau dapat diambil manfaat oleh generasi yang akan datang.
- viii. Untuk mengenang jasa- jasa ulama dan intelek tanah air ini, penulis ingin mencadangkan kepada pihak berkuasa agar nama mereka diabadikan dalam apa jua bentuk supaya jasa serta pengorbanan mereka menjadi ingatan, siulan dan sebagainya.
- ix. Penulis juga ingin mencadangkan kepada pihak muzium negeri, Arkib Negara dan pihak-pihak lain yang bertanggungjawab memelihara khazanah negara supaya dapat mengumpul maklumat ulama tempatan untuk dipancarkan kepada masyarakat. Ini adalah kerana penulis dapati pihak- pihak berkenaan hanya menumpukan kepada beberapa orang tokoh sahaja tanpa ditonjolkan tokoh- tokoh yang menyeluruh yang bercambah di seluruh negara terutamanya di negeri Kedah Darul Aman ini.

3. KATA PENUTUP

Sebagai penutupnya, penulis merasakan bahawa penyelidikan yang telah dilakukan oleh penulis masih belum sempurna lagi, bagi melihat keseluruhan perjalanan kehidupan almarhum Dato' Syeikh Abdul Halim dari peringkat kanak-kanaknya, remajanya, dewasanya hinggalah beliau meninggal dunia. Segala ulasan dan pemahaman penulis mengenai apa yang diutarakan oleh beliau hanyalah bersifat relatif daripada kekurangan ilmu yang ada pada penulis.

Tulisan ini bukanlah bertujuan untuk menyenaraikan keseluruhan kesempurnaan dalam kehidupan almarhum Dato' Syeikh Abdul Halim, bolehlah diumpamakan penulis sebagai seorang yang bermusafir dan sedang berkelana dari satu tempat ke satu tempat perhentian untuk mencari seberapa banyak mutiara kebaikan. Sesungguhnya di setiap perhentian itu pastinya ada kebaikan, namun begitu tidak semua kebaikan dapat dikutip di semua tempat perhentian yang telah disinggahi tersebut. Sudahpastinya banyak lagi kebaikan yang wujud yang tidak dapat dikutip oleh seseorang yang berkelana itu maka begitu jualah dengan penulis.

Melalui kajian ini penulis merasakan kehidupan tokoh ini amat dekat dalam kehidupan penulis walaupun penulis tidak pernah diberi kesempatan menimba ilmu dengannya. Namun buku-buku beliau, penulisan majalah dan sebagainya sentiasa menjadi panduan penulis. Penulis menjadikan beliau sebagai guru yang telah memberikan tunjuk ajar kepada penulis untuk meneruskan bahtera kehidupan, ilmu pengetahuan dan erti kejayaan.

Penulis memanjatkan doa kepada Yang Maha Mendengar doa, semoga rohnya sentiasa mendapat rahmat Allah s.w.t bersama para solehin, shuhada' dan juga anbiya'. Disedekahkan sekalung al- fatihah buat almarhum Dato' Syeikh Abdul Halim bin Haji Othman.

BIBLIOGRAFI

BUKU DAN ARTIKEL

Abdul Halim bin Haji Mat Diah (1987), *Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi*, Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin Universiti Malaya.

Abdul Rahman Hj. Abdullah (2006), *Islam Dalam Sejarah Asia Tenggara Tradisional*, c.1, Selangor: Pustaka Haji Abdul Majid.

Abu Bakar bin Lebai Mat (2006), "Sejarah Pendidikan Agama Di Kedah", (Seminar Kedah 100 Tahun 11, Universiti Utara Malaysia, 20-21 Ogos 2006).

Berita Harian, November 16, 2009," Kedah Sebagai Pusat Penyebaran Agama Islam".

Charles Issawi (1962), *Filsafat Islam Tentang Sejarah*, Ter : Dr. Ali Mukti, Jakarta: Tinta Mas.

Chua Yan Piaw (2006), *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan*, Buku 1, Kaedah Penyelidikan, McGraw-Hill Malaysia Sdn.Bhd.

Dudung Abdurrahman, M. Hum (1999), *Metode Penelitian Sejarah*, Jakarta: Logos Wacana Ilmu.

Dusuki Haji Ahmad (1982), *Ikhtisar Perkembangan Islam*, c. 5, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Faridah Romly, (Tesis Orang Arab di Kedah), Arkib Negara Malaysia Cawangan Kedah/Perlis .

Hamka, *Sejarah Umat Islam* (Edisi Baru), c.6, Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.

Hussein bin Unang (1994), *Kamus al-Tullab*, c.1, Kuala Lumpur: Darul Fikir.

Idris Awang (et.al) (2006), *Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam*, Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Imam Bernadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*, Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP-IKIP.

Joyce M. Hawkins (1993), *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar, Inggeris-Melayu-Melayu Inggeris*, c. 3, Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

_____ (2006), *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar Melayu Inggeris-Inggeris Melayu*, edisi ke-4, Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Kamus Dewan(2005), Dewan Bahasa dan Pustaka, edisi ke-4.

Kamus Za'ba Pustaka Antara Books Sdn.Bhd, edisi ke-2.

Koentjaraningrat (1983), *Metode-metode Penelitian*, Jakarta: P T Gramedia.

Louis Gottschalk (1975), *Understanding History: A Primer Of Historical Method*, Nugroho Notosusanto(terj), T,T.P: Yayasan Penerbitan Universitas Indonesia.

Mohamed Mustafa Ishak, Syamsul Anuar Ismail, Rohana Yusof (2004), *Kedah Dalam Lipatan Sejarah: Koleksi Artikel Dato' Wan Shamsuddin Mohd Yusof*, Universiti Utara Malaysia.

Mohd Michael Abdullah (1995), *Pemikiran Kritis*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Mohd Supian Sabtu (2002), *Tamadun Awal Lembah Bujang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhammad bin Muhammad Abu Syahbah (1998), *al-Sirah al- Nabawiyyah fi Dhaw al-Quran Wa al- Sunnah*, j. 2, c. 4, Damsyik: Dar al-Qalam.

Muhammad Hassan Dato' Kerani Mohd Arshad (1968), *al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, c.1, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Pustaka.

Muhammad Yasir Bin Fakhrurazi, *Perkembangan Islam Di Negeri Kedah: Satu Tinjauan Dalam Abad Ke-19M*, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mukadimah Ibnu Khaldun, c. 5, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muzaffar Dato' Hj. Mohamad, Tun Suzana Tun Hj. Othman(2006), *Ahlul-Bait (Keluarga) Rasulullah s.a.w dan Raja-raja Melayu*, c. 2, Kuala Lumpur.

Pesara Kerajaan Negeri Kedah Dalam Kenangan, 10 Ogos 2003, Auditorium Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, Yang Berbahagia Dato' Syeikh Abdul Halim bin Hj. Othman DPMK, BCK.

Sartono Kartodirjo (1983), *Metode Penggunaan Bahan Dokumen dalam Metode-metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta: P T Gramedia.

Wan Hussein@Azmi (1979), *Pendakwahan Islam Dan Perkembangannya di Alam Melayu Dari Abad ke VII M- XVII M*, T.T.P.: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Wan Shamsuddin bin Wan Yusof, (Kertas Kerja: Perkembangan Dakwah Islamiah Dan Penulis- penulis Dari Golongan Agama Di Utara-Barat Malaysia-Tumpuan Di Negeri Kedah Darulaman, Anjuran Gapena, 1-4- 1999).

(2006), *Warta Darul Aman* bil.2: Februari.

DISERTASI

Abdul Halim bin Haji Mat Diah (1986), “Falsafah Pendidikan Islam di Institut Pengajian Tinggi di Malaysia” (Disertasi Ph.D., IAIN Sunan Kalijogo, Yogyakarta).

Faisal@Ahmad Faisal Bin Abdul Hamid (2002), “Dato’ Haji Ismail Yusoff: Sumbangannya Terhadap Perkembangan Islam Di Kelantan” (Disertasi Ijazah Sarjana Usuluddin, Universiti Malaya).

Salwani binti Abdul Rahman (2005), “Jabatan Mufti Negeri Kedah Darul Aman: Peranan Dan Sumbangan Dalam Perkembangan Islam Di Kedah”, (Disertasi Ijazah Sarjana Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia).

DOKUMEN DAN LAPORAN

Ahmad Jelani Halimi (1998), “Kemasukan Islam Ke Kedah”, (Dokumentasi Konvensyen Sejarah Negeri Kedah Darul Aman 11, Universiti Sains Malaysia 1998), c. 1.

Biografi Ulama Kedah Darulaman (1996), j. 1, c. 1, Kedah: Lembaga Muzium Negeri Kedah Darulaman.

Mustapha Hj. Daud (2000), Perkembangan Islam Di Kedah, (Seminar Kedah 100 Tahun 1, Universiti Utara Malaysia, 20-21 Ogos 2000),

Lembaga Muzium Negeri Kedah Darulaman, Dokumentasi Konvensyen Sejarah Negeri Kedah Darulaman, c. 1.

Majlis Kebudayaan Negeri Kedah Darul Aman, (Dokumentasi Konvensyen Sejarah Negeri Kedah Darul Aman 11 1998), c.1.

Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah (PSMCK), “Islam Di Kedah Darulaman”, (Dokumentasi Konvensyen Sejarah Negeri Kedah Darulaman 11, 29-30 September 1996). Wan Shamsudin Mohd Yusof (2000), Senario Institusi Kesultanan Kedah, (Seminar Kedah 100 Tahun di UUM, 20-21 Ogos 2000).

Wan Shamsuddin Bin Mohd Yusof (t.t), “Sejarah Islam di Kedah : Hubungan dan Peranan Kesultanan Kedah Dalam Perkembangannya”, (Seminar Perkembangan Islam Negeri Kedah Darul Aman Sempena Perayaan Sambutan Jubli Emas Pemerintahan 50 Tahun KDYMM Tuanku Sultan Kedah), Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman.

Zahidi Dato’ Haji Zainol Rashid (1996), (Dokumentasi Konvensyen Sejarah Negeri Kedah Darulaman 11, 29-30 September 1996), Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Kedah Darulaman.

LAMAN WEB

Bumi Bebas, <http://bumibebas.blogspot.com/2007/07/haji-abdullah-abbas-nasution-seorang.html>, 12 Disember 2010.

Jabatan Mufti Negeri Kedah, <http://buletinjmnk.blogspot.com/2010/03/selamat-datang-ke-buletin-jabatan-mufti.html>, 8 Disember 2010.

Majlis Agama Islam Kedah, <http://www.maik.gov.my/myportal/index.php?page=sejarah>, 10 Disember 2010.

My Kedah.com, http://www.mykedah2.com/20hall_fame/202_3_08.htm, 12 Disember 2010.

My Kedah.com, http://www.mykedah2.com/20hall_fame/202_9_01.htm, 12 Disember 2010.

My Kedah.com, http://www.mykedah2.com/20hall_fame/202_7_01.htm, 12 Disember 2010.

My Kedah.com, http://www.mykedah2.com/10heritage/102_4_16.htm, 12 Disember 2010.

My Kedah.com, http://www.mykedah2.com/10heritage/110_1_p4.htm, 12 Disember 2010.

My Kedah.com http://www.mykedah2.com/10heritage/102_4_08.htm, 12 Disember 2010.

Official Portal of Ministry of Higher Education,
http://www.portal.mohe.gov.my/portal/page/portal/ExtPortal/Agencies/Education_Cost/Twinning_Degree_Program, 12 Disember 2010.

Portal Rasmi Fatwa Malaysia, <http://www.e-fatwa.gov.my/biografipengerusi/dato-syeikh-abdul-halim-bin-osman>, 12 Disember 2010.

Portal Rasmi Fatwa Malaysia, <http://www.e-fatwa.gov.my/pengerusi-jkf>, 12 Disember 2010.

Portal Rasmi Kerajaan Negeri Kedah Darulaman ,
<http://www.kedah.gov.my/kehad/isi.asp?id=1003&mytbl=data1>, 11 Disember 2010.

Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam,
<http://citu.uitm.edu.my/component/content/article/53-artikel-citu/17-pendidikan-islam-di-negeri-kedah--suatu-ulasan-ringkas.html>, 11 Disember 2010.

Peranan dan Sumbangan ulama Silam, <http://www.scribd.com/doc/24877376/Ulama-hj-Wan-Sulaiman-Wan-Sidik>, 12 Disember 2010.

Sejarah Maktab Mahmud, <http://www.scribd.com/doc/17127493/Sejarah-Maktab-Mahmud>
11 Disember 2010.

SENARAI TEMUBUAL

Abdul Hamid bin Abdul Rahman, Imam Besar Masjid Derga Alor Setar. Temubual pada 29 November 2009.

Abdul Majid bin Mohd Noor, bekas Mufti dan Mursyid Di Raja Kedah. Temubual pada 25 November 2009.

Ali bin Ahmad, anak murid Dato' Syeikh Abdul Halim. Temubual pada 27 September 2009.

Baderuddin bin Haji Ahmad, Mufti Negeri Kedah Darul Aman. Temubual pada 28 November 2009.

Ghazali bin Yaacob, Setiausaha Zakat Negeri Kedah. Temubual pada 29 November 2009.

Harun bin Haji Mohd Hashim, Pengerusi Persatuan Pesara-pesara Malaysia Kedah. Temubual pada 13 Febuari 2010.

Ishak bin Othman, Penolong Pegawai Penerbitan PERKIM Jalan Ipoh, Kuala Lumpur. Temubual pada 28 November 2010.

Khalid bin Abdullah, bekas Pengerusi Utusan Malaysia. Temubual pada 25 November 2009.

Mohd Jamil bin Haji Abdullah, Pengerusi Persatuan Pengakap Negeri Kedah. Temubual pada 27 September 2009.

Muhamad Ismail bin Saleh, Tokoh Sejarah negeri Kedah 1999. Temubual pada 2 Oktober 2008.

Wan Shamsudin bin Mohd Yusof, Pengerusi Sejarah Negeri Kedah. Temubual pada 3
Disember 2009.